

Mahasiswa UMSKAL perlu elak perkara negatif

NST 5.9.2014 5

LABUAN: Mahasiswa baru Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) digesa menghindarkan diri daripada terbabit dengan elemen negatif yang mampu menjelaskan pembelajaran mereka di kampus berkenaan.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik berkata pembabitan pelajar baru itu dalam perbuatan negatif tidak mendarangkan sebarang manfaat malah boleh memberi imej yang kurang baik terhadap universiti, keluarga dan diri mereka sendiri.

Katanya, mahasiswa dibentuk untuk berfikir bagi menyertai aktiviti yang baik atau sebaliknya sepanjang tempoh pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) itu.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan mahasiswa baru menumpukan perhatian kepada pembelajaran dengan meningkatkan prestasi akademik dari semasa ke semasa.

"Jika anda membabitkan diri dengan elemen negatif ianya akan menjelaskan nama baik UMS, keluarga dan komuniti setempat selain diri sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Amanat Pengarah dan Pengenalan Pegawai Kanan UMSKAL sempena program Majlis Suai Mesra (MSM) di Dewan Utama universiti itu, kelmarin.

Majlis itu diadakan bagi meraikan kira-kira 856 pelajar baru yang mendaftar di kampus cawangan itu bagi sesi pengambilan akademik 2014/2015.

Turut hadir Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Syed Nasirin Zainol Abidin dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Murnizam berkata pelajar perlu mere-

but ruang dan peluang memasuki menara gading itu dengan meraih kejayaan yang cemerlang seperti mana yang diharapkan ibu bapa mereka yang banyak berkorban demi kejayaan anak-anak dengan membawa pulang segulung ijazah selepas tiga hingga empat tahun menimba ilmu di UMS Labuan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pelajar bahawa segulung ijazah sahaja belum mencukupi dan menjamin masa depan mereka tanpa memiliki skil dan kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang kokurikulum, sukan, aktiviti kesasyarakat.

Sehubungan itu, Murnizam mahu pelajar sentiasa mendapatkan binbingan dan nasihat daripada pensyarah di samping pegawai dan kakitangan sokongan yang akan menjadi pengganti kepada ibu bapa mereka selama berada di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, kedudukan UMSKAL yang strategik dan menarik berhampiran pantai

dan laut serta jauh dari gangguan hiburan seharusnya mampu meningkatkan prestasi akademik pelajar dengan memberi tumpuan terhadap pembelajaran untuk meraih kejayaan yang cemerlang serta menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

"Mematuhi peraturan dan undang-undang universiti merupakan satu keperluan yang dituntut bukan sahaja oleh pengurusan universiti tetapi juga ibu bapa yang mahu anak mereka membawa pulang segulung ijazah sebagai balasan kepada pengorbanan mereka selama ini," katanya.

Murnizam juga memberi jaminan pihaknya akan sentiasa mendengar permasalahan pelajar tetapi pada masa sama mahu mereka menjaga keselamatan, kesihatan dan mengamalkan nilai-nilai murni seperti menghormati pensyarah, kakitangan dan pelajar yang lain. - Oleh Jainudin Djimin (jaiunudin@newsabahtimes.com.my)

